

24/04/1997

Sektor awam, swasta perlu guna teknologi tinggi

Faizal Fadzil; Ahmad Ghazali Musa; Azizi Othman  
KUALA LUMPUR, Rabu - Datuk Seri Dr Mahathir mahu sektor kerajaan dan swasta bergerak lebih cergas ke arah mewujudkan industri berasaskan teknologi tinggi bagi mengurangkan pergantungan kepada tenaga kerja manusia.

Perdana Menteri berkata dengan menggunakan teknologi tinggi, negara tidak perlu lagi bergantung kepada pekerja asing kerana teknologi tinggi kurang memerlukan tenaga kerja.

"Apa yang kita lakukan sekarang ialah untuk menganjak ke teknologi tinggi kerana industri tempatan sekarang terlalu bergantung kepada tenaga buruh kasar," katanya pada majlis makan tengah hari bersama anggota Kumpulan Kerajaan-Industri bagi Teknologi Tinggi Malaysia (Might) di Carcosa Seri Negara di sini.

Might yang dilancarkan oleh Dr Mahathir pada 1993 ialah badan kerjasama yang mewakili perkongsian bijak antara kerajaan dan swasta bagi mengenal pasti peluang perniagaan dan pelaburan bagi industri serta memberi sumbangan pemikiran dalam proses membuat dasar di negara ini. Ia juga menggalakkan aktiviti meneroka teknologi dan perniagaan di pasaran tempatan dan antarabangsa.

Perdana Menteri menjelaskan walaupun proses industrialisasi di negara ini sudah mencapai kejayaan, kedua-dua sektor itu perlu bergerak ke arah industri berteknologi tinggi dan mengurangkan terlalu banyak pergantungan kepada tenaga kerja manusia.

"Kita mesti berusaha mencari jalan untuk mengurangkan penggantungan terhadap tenaga kerja manusia. Satu caranya ialah menambah industri yang menggunakan tenaga robotik dan automotif," katanya.

Sambil mengharapkan Might memberi perhatian khusus dalam usaha memperbanyakkan industri berasaskan teknologi tinggi, Dr Mahathir berkata kemampuan ke arah itu sudah ada seperti dibuktikan oleh beberapa firma dan syarikat tempatan.

"Tetapi kita mesti berusaha dan bersedia untuk membuat pelaburan bagi mendapatkan kemahiran dan pengetahuan dalam bidang berkenaan," katanya.

Perdana Menteri berkata pada masa kini, syarikat-syarikat tempatan bukan saja bergantung kepada tenaga kerja tetapi kakitangan yang mereka ada sekarang juga kurang kemahiran untuk bertukar kepada teknologi tinggi.

"Kita perlu memahami bagaimana untuk mengurangkan kebergantungan kita kepada buruh kasar," kata beliau sambil menegaskan bahawa rakyat Malaysia perlu dipertingkatkan dari segi kemahiran supaya mereka dapat bersedia menghadapi perubahan teknologi.

Beliau yakin dalam masa yang terdekat, Malaysia tidak perlu lagi mengambil pekerja asing apabila syarikat-syarikat tempatan bergerak pesat bertukar kepada teknologi tinggi.

Turut hadir Pengerusi Bersama Might, Tan Sri Tajudin Ramli yang juga Ketua Eksekutif Technology Resources Industries (TRI), yang mewakili industri dan Penasihat Sains Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Dr Omar Abdul Rahman, mewakili kerajaan serta anggota lembaga pengarah kumpulan itu.

(END)